

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. ONG KIAN MING [BANGI]

TARIKH : 12 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

DR. ONG KIAN MING [BANGI] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah pesakit COVID-19 yang berjaya dikesan melalui aplikasi MySejahtera dan apakah sistem amaran yang digunakan untuk memberitahu pengguna MySejahtera bahawa tempat yang dilawati adalah satu tempat yang telah dikunjungi oleh pesakit COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. **Aplikasi MySejahtera telah dilancarkan pada 20 April 2020** yang bertujuan untuk membantu pengurusan wabak COVID-19 di Malaysia termasuk pengesanan kes COVID-19 melalui penilaian kesihatan sendiri, pengesanan kontak kepada kes positif COVID-19 dan pemberian maklumat terkini dan sahih berkaitan COVID-19 serta maklumat kesihatan umum kepada masyarakat.
2. Pada permulaannya, MySejahtera hanya mempunyai satu (1) modul. **Walau bagaimanapun, sebanyak lapan (8) modul lagi ditambah bagi memenuhi keperluan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk mendapatkan maklumat tambahan kontak, lokasi kes dan kontak, pengendalian kuarantin dan stesen kuarantin serta lain-lain.**

3. Sehingga kini, seramai 23 juta pengguna telah mendapat manfaat daripada aplikasi ini. Ianya juga menambah nilai kepada pengendalian pengesanan kontak kepada kes-kes positif COVID-19.
4. **Setakat ini, kira-kira 4% dari keseluruhan kes telah berjaya dikesan secara langsung melalui penilaian kesihatan sendiri dalam aplikasi MySejahtera.** Walau bagaimanapun, kes-kes yang selebihnya dikesan secara tidak langsung melalui aplikasi tersebut, di mana senarai kes-kes rentan (*vulnerable*) terutamanya dapat diberi secara cepat dan tepat melalui aplikasi ini kepada pegawai diberikuasa.
5. **Modul pengesan hotspot** dalam MySejahtera pula merupakan satu fungsi yang menunjukkan **lokasi punca dan potensi kebolehjangkitan** kes COVID-19. **Fungsi ini adalah “on demand” yang memerlukan pengguna untuk menyemak status dari masa ke semasa.** Modul ini memberi panduan kepada pengguna untuk mengetahui status sesuatu lokasi yang dicari.
6. Setakat ini aplikasi MySejahtera tidak menggunakan GPS secara berterusan. **Justeru, aplikasi ini tidak dapat memberi notifikasi secara automatik atau tidak cuba menjejaki seseorang individu kerana ia adalah bertentangan dengan hak peribadi pengguna serta bercanggah dengan polisi KKM.**

Sekian, terima kasih.